

## TANGGAPAN DAN HARAPAN MASYARAKAT TERHADAP PENULISAN BERITA DI MEDIA ARUS PERDANA DI MALAYSIA

\*Mohd Syuhaidi Abu Bakar, Nur Shakila binti Hussain @ Othman

Pusat Pengajian Penulisan Kreatif,  
Fakulti Filem, Teater dan Animasi,  
Universiti Teknologi MARA  
40150, Shah Alam, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author's email: [syuhaidi@salam.uitm.edu.my](mailto:syuhaidi@salam.uitm.edu.my) / [drmohdsyuhaidi@gmail.com](mailto:drmohdsyuhaidi@gmail.com)

*Submission date: 15 Jan 2019*

*Accepted date: 30 April 2019*

*Published date: 10 May 2019*

### Abstract

Given the existing trend in which alternative media sources and mainstream media sources are in a constant tug of war, people will continue to hear about mainstream media for a long time to come. Together, these networks and publications cater to the majority of the population. They control what most people hear, see and read. For this reason, a lot of dissenters have likened them to puppeteers and questioned their impartiality in delivering the truth. However, most mainstream media outlets are biased right or left but pretended to be neutral. Same goes to mainstream media outlets in Malaysia. This study was done to identify the perception and hopes towards news being produced by mainstream media outlets in this country. Data was collected from 201 (n=201) Malaysians using purposive sampling and was analyzed with statistical analysis (SPSS) using descriptive analysis. Findings were represented by percentages. The findings of this paper advocate that majority of the respondents supports local mainstream media outlets. Locally, mainstream media is considered to be a more credible news source than alternative media, however respondents urges the government to tightened the media-related policies and laws in Malaysia.

**Keywords:** News writing, Mainstream Media, Society, Hopes, Perception.

### 1.0 PENGENALAN

Sejak dahulu dan kini, media arus perdana bertanggungjawab dalam menyebarkan segala maklumat, berita, dan isu semasa, sama ada info tersebut datang dari luar negara ataupun tempatan, manakala masyarakat berperanan sebagai golongan yang menerima apa sahaja berita yang dibawa oleh media arus perdana. Justeru, media arus perdana dan masyarakat adalah dua pihak yang memainkan peranan dan tanggungjawab yang saling memerlukan antara satu sama lain.

Namun demikian, masyarakat negara ini terdiri daripada pelbagai golongan dan latar belakang yang berbeza. Oleh itu, tidak semua maklumat dan penulisan berita yang disebarkan oleh media arus perdana boleh diterima oleh sesetengah masyarakat.

Hal ini demikian kerana, Malaysia memiliki ramai golongan masyarakat yang berpendidikan, berpolitik, dan berfikiran lebih jauh daripada masyarakat yang sebulat suara dan percaya apa sahaja berita yang

dibawa oleh media arus perdana. Ditambah pula ketika jaringan internet masih belum luas penggunaannya, media arus perdana pada ketika itu amat diperlukan oleh masyarakat untuk mengetahui berita terkini.

Fadzli Adam, Ab. Hamid Ali, Marhana Mohamed Anuar, dan Engku Muhammad Tajudin Engku Ali (2015) mengatakan, media baharu dianggap sebagai kuasa besar kerana kekuatannya dalam menyampaikan mesej merentasi sempadan masa dan tempat dengan kapasiti yang besar dan pantas.

Pelbagai transaksi, perkembangan ekonomi, politik, pendidikan, keagamaan dan sosial boleh dilakukan selama 24 jam tanpa batas. Di Malaysia, media berkenaan mula memainkan peranan penting sebagai agen transformasi dakwah dan menyampaikan pelbagai maklumat.

Sohana Abdul Hamid (2016) berpendapat, masyarakat mempunyai corak pemikiran, sikap, dan pendapat yang berbeza-beza. Jadi tidak hairanlah sekiranya, sesuatu berita yang dikeluarkan oleh media arus perdana akan dinilai terlebih dahulu secara baik atau sebaliknya oleh masyarakat itu sendiri.

Sehubungan dengan itu, secara tidak langsung masyarakat terdahulu dengan masyarakat sekarang memiliki banyak perbezaan. Hal ini demikian kerana, media arus perdana pada masa dahulu amat dipandang berat sehingga setiap beritanya akan terus dipercayai masyarakat, namun media arus perdana melalui fasa yang sukar untuk mendapatkan kepercayaan masyarakat kini, yang sememangnya memiliki sumber berita hanya di hujung jari.

## **2.0 TINJAUAN LITERATUR**

### **2.1 Konsep Ke Arah Cara Islamik dalam Penyampaian Berita**

Norman Suratman (2012) mengatakan, media arus perdana perlu mengubah cara penulisan berita agar maklumat dan berita yang disalurkan menepati ciri-ciri islamik iaitu tidak berlaku penipuan dalam penyebaran sesuatu berita dan hanya menyebarkan berita yang sahih, telus dan jujur. Selain daripada itu, bukan sahaja media arus perdana di Malaysia yang hakikatnya dikuasai oleh pihak tertentu, malah Singapura dan termasuk negara membangun yang lain tidak terkecuali media-media mereka dikuasai oleh parti pemerintah.

### **2.2 Sistem Perundangan dan Akta**

Riduan Mohamad Nor (2018) mengatakan, penggubalan undang-undang berkaitan penyebaran penulisan berita palsu perlu lebih terarah dalam media sosial. Kepantasan maklumat yang disebarkan melalui media berkenaan semakin membimbangkan sehingga kadang-kala penulisan berita yang disebar belum pasti kesahihannya. Justeru itu, penggubalan undang-undang perlu dipandang serius oleh semua pihak agar tindakan susulan dapat ditangani sekaligus pelaku yang menyebarkan berita palsu dapat dibendung dengan adanya sistem perundangan yang lebih tegas.

### **2.3 Penyebaran Berita perlu Diyakini dan Sahih**

Mohd Hamdan Haji Adnan (2015) mengatakan, pihak media arus perdana perlu setia dalam penghasilan penulisan berita. Hal ini demikian kerana, masyarakat akan mencari media alternatif yang lain seperti internet dan rangkaian media sosial untuk mendapatkan berita yang lebih sahih. Justeru itu, pemilik media arus perdana termasuk kerajaan dan wartawan perlu bekerjasama dalam memastikan akhbar bebas

daripada penulisan berita palsu. Jika dilihat, Akhbar atas talian seperti *Malaysia Kini* masih bertahan sehingga kini dan mendapat kepercayaan orang awam kerana pembawaan penulisan beritanya yang diyakini.

#### 2.4 Dasar Kawalan *State* ke atas Media di Malaysia

Yahya Abdul Rahman (2017) mengatakan, media berperanan sebagai agen yang berpengaruh dalam menentukan perubahan politik negara. Sebagai contoh, Filipina pernah mencetuskan peristiwa kebangkitan rakyat semasa pemerintahan Ferdinand Marcos.

Peristiwa pada tahun 1986 berkenaan menyaksikan peranan media membantu menggerakkan kepercayaan rakyat menumbangkan kerajaan. Dalam pada itu, media di Malaysia pula dikawal ketat oleh '*Kawalan State*'. Fungsi kawalan *state* adalah bertujuan untuk menapis atau menyekat berita-berita yang boleh menggugat kestabilan politik negara.

Oleh yang demikian, *state* mengadakan kawalan terhadap kebebasan media seperti yang difahami dan dialami rakyat, tetapi hakikatnya kebanyakan masyarakat belum 'bebas' merasai erti kebebasan media yang sebenar.

#### 2.5 Media Digital menguasai Industri Maklumat

Ahmad Farami Abdul Karim (2018) mengatakan kemunduran industri maklumat sebenarnya berpunca daripada kepantasan yang dikuasai oleh media digital, yang menyediakan pelbagai platform dan kandungan. Sebagai contoh, penulisan berita di dalam media sosial lebih cepat sampai kepada pembaca berbanding media arus perdana yang lain sehingga ia menjejaskan reputasi wartawan atau penulis berita.

Namun demikian, apa yang menyedihkan ialah pembaca begitu mudah dan cepat menilai sesuatu berita tanpa mengetahui isi kandungan berita berkenaan akibat dorongan sentimen dan emosi yang menolak kebenaran dalam sesuatu penulisan berita.

### 3.0 METODOLOGI

Kaedah penyelidikan merupakan segala langkah yang diambil untuk mencapai segala objektif penyelidikan (Ahmad Mahdzan Ayod, 1995). Kajian ini berbentuk kuantitatif dan seramai 201 (n=201) responden telah menjawab soal-selidik Likert-scale menggunakan platform atas talian *Google Forms*. Responden-responden ini terdiri dari pelbagai lapisan rakyat Malaysia yang dipilih menggunakan kaedah persampelan secara bertujuan. Data telah dianalisis secara deskriptif dan diwakili oleh peratusan.

Soalan-soalan untuk soal-selidik diambil daripada kajian oleh Yahya Abdul Rahman (2017), Norman Suratman (2012), Sohana Abdul Hamid (2016), Ahmad Farami Abdul Karim (2018), Mohd Hamdan Haji Adnan (2015), Fadzli Adam, Ab. Hamid Ali, Marhana Mohamed Anuar, dan Engku Muhammad Tajudin Engku Ali (2015), dan Abdul Shukur Harun (2018) serta Riduan Mohamad Nor (2018).

## 4.0 HASIL KAJIAN

### 4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Dapatan kajian mendapati 64% terdiri daripada kalangan responden perempuan manakala 35% adalah daripada responden lelaki. Majoriti responden tertinggi berumur antara 21-31 tahun dengan 76%. Golongan yang paling ramai responden ialah pelajar dengan 64%.

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>N-201</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Umur</b>		
18- 20 Tahun	13	6.5
21-31 Tahun	153	76.1
32-42 Tahun	19	9.5
43 Tahun ke atas	16	8
<b>Jantina</b>		
Lelaki	71	35.3
Perempuan	130	64.7
<b>Agama</b>		
Islam	192	95.5
Buddha	2	1
Kristian	6	3
Lain-lain	1	0.5
<b>Status Perkahwinan</b>		
Bujang	158	78.6
Berkahwin	48	21.4
Lain-lain	0	0
<b>Pekerjaan</b>		
Pelajar	129	64.2
Kerajaan	18	9
Swasta	32	15.9
Bekerja sendiri/Lain-lain	22	10.9
<b>Pendapatan Bulanan</b>		
Bawah RM1000	24	11.9
RM1000-RM2900	39	19.4
RM3000 ke atas	14	7
Tiada	124	61.7
<b>Negeri Asal</b>		
<b>Perlis</b>	4	2
Kedah	33	16.5
Pulau Pinang	4	2
Perak	24	12
Selangor	34	17
W.P. Kuala Lumpur	22	11
Negeri Sembilan	4	2
Melaka	2	0.5
Johor	23	11.5
Pahang	2	1
Kelantan	15	7.5
Terengganu	12	6
Sabah	16	8
Sarawak	6	3

<b>Taraf Pendidikan</b>		
IPTA/IPTS	182	91
UPSR	0	0
PMR	2	1
SPM/STPM/STAM	13	6.5
Maktab/Kolej/Kemahiran	1	0.5
Lain-lain	2	1

Rajah 1. Latar Belakang Responden

#### 4.2 TANGGAPAN MASYARAKAT TERHADAP PENULISAN BERITA DI MEDIA ARUS PERDANA DI MALAYSIA (n=201)

BIL	KENYATAAN	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
1	Kelonggaran akta menjadi faktor utama penulisan berita diputar-belitkan media Arus perdana.	3 (1.5%)	7 (3.5%)	40 (19.9%)	71 (35.3%)	80 (39.8%)
2	Media alternatif lebih mendapat tumpuan masyarakat berbanding Media Arus Perdana.	1 (0.5%)	1 (0.5%)	44 (21.9%)	89 (44.3%)	66 (32.8%)
3	Gaya penulisan antara media arus perdana dan media alternatif memiliki perbezaan.	1 (0.5%)	4 (2%)	53 (26.4%)	87 (43.3%)	56 (27.9%)
4	Media arus perdana sering mendapat kritikan berbanding media alternatif.	2 (1%)	11 (5.5%)	84 (41.8%)	64 (31.8%)	40 (19.9%)
5	Kemunculan berita palsu menjejaskan kredibiliti media arus perdana.	2 (1%)	4 (2%)	29 (14.4%)	71 (35.3%)	95 (47.3%)
6	Pengamal media, wartawan, dan pihak penerbitan dinafikan hak profesionalisme mereka berpunca daripada sekatan terhadap media.	2 (1%)	4 (2%)	54 (26.9%)	93 (46.3%)	48 (23.9%)
7	Kawalan media memberi kesan terhadap hak politik dan hak sivil masyarakat.	2 (1%)	5 (2.5%)	50 (24.9%)	83 (41.3%)	61 (30.3%)
8	Bagi memperoleh berita terkini, orang ramai memilih media sosial berbanding Media Arus perdana.	1 (0.5%)	4 (2%)	28 (13.9%)	76 (37.8%)	92 (45.8%)
9	Laporan berita dalam media arus perdana mendapat campur tangan pihak pemerintah.	0 (0%)	4 (2%)	38 (18.9%)	93 (46.3%)	66 (32.8%)
10	Penulisan berita di Malaysia sering dibandingkan atas alasan negara luar lebih berani menulis berita yang tepat dan benar.	1 (0.5%)	6 (3%)	37 (18.4%)	76 (37.8%)	81 (40.3%)

Rajah 2: Tanggapan Masyarakat terhadap Penulisan Berita di Media Arus Perdana di Malaysia

Dapatan kajian mendapati 44% peratus responden mengatakan media alternatif lebih mendapat tumpuan masyarakat berbanding media arus perdana dan 44% responden juga mendakwa bahawa media arus perdana dikritik hebat berbanding Media Alternatif.

Sejumlah 46% responden juga mengatakan bahawa pengamal media, wartawan, dan pihak penerbitan dinafikan hak profesionalisme mereka berpunca daripada sekatan terhadap media. Maka, bagi memperoleh berita terkini, orang ramai memilih media sosial berbanding media arus perdana. Ini didakwa oleh 45 peratus responden. Sejumlah 46% responden juga mendakwa laporan berita dalam media arus perdana mendapat campur tangan pihak pemerintah.

Maka dapat disimpulkan bahawa responden dalam kajian ini mempunyai tanggapan yang agak negatif terhadap penulisan berita di media arus perdana di Malaysia.

#### 4.3 HARAPAN MASYARAKAT TERHADAP PENULISAN BERITA DI MEDIA ARUS PERDANA DI MALAYSIA (n=201)

BIL	KENYATAAN	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
1	Pemansuhan Akta Anti Berita Tidak Benar 2018 memberi impak terhadap kelonggaran sekatan media.	0 (0%)	6 (3%)	49 (24.4%)	78 (38.8%)	68 (33.8%)
2	Akta berkaitan media perlu diperketat atau dikuatkuasakan.	1 (0.5%)	6 (3%)	28 (13.9%)	75 (37.3%)	91 (45.3%)
3	Selepas peralihan kuasa berlaku, masyarakat bebas mendapatkan sumber berita yang adil.	2 (1%)	8 (4%)	42 (21%)	86 (43%)	62 (31%)
4	Kebebasan media menggalakkan perkembangan sistem demokrasi di Malaysia.	2 (1%)	10 (5%)	38 (19%)	93 (46.5%)	57 (28.5%)
5	Media Arus Perdana perlu menitikberatkan berita yang sahih dan benar.	0 (0%)	0 (0%)	22 (11%)	56 (28%)	122 (61%)
6	Penyebaran berita yang amat terbuka dan bebas sedikit sebanyak menjejaskan keharmonian negara.	2 (1%)	5 (2.5%)	34 (17%)	76 (38%)	83 (41.5%)
7	Media Arus Perdana mesti mencontohi Media Alternatif tentang cara penyebaran berita bagi mendapatkan semula kepercayaan masyarakat.	3 (1.5%)	4 (2%)	45 (22.5%)	80 (40%)	68 (34%)
8	Selepas PRU-14, pengamal media dan wartawan bebas menulis berita yang sahih tanpa bimbang sekatan undang-undang.	2 (1%)	3 (1.5%)	44 (22%)	69 (34.5%)	82 (41%)
9	Kebebasan media selepas PRU-14 menyaksikan media arus perdana dan media alternatif menukar corak penulisan berita yang telus.	3 (1.5%)	6 (3%)	50 (25%)	68 (34%)	73 (36.5%)
10	Masyarakat negara ini sedang mengecapi kebebasan media selepas penerimaan dasar 'Malaysia Baharu'.	1 (0.5%)	4 (2%)	47 (23.5%)	79 (39.5%)	69 (34.5%)

Rajah 3: Harapan Masyarakat terhadap Penulisan Berita di Media Arus Perdana di Malaysia

Dapatan kajian menunjukkan 46 peratus responden menginginkan akta berkaitan media diperketat atau dikuatkuasakan, berikutan Akta Anti Berita Tidak Benar 2018 dimansuhkan dan memberi impak terhadap kelonggaran sekatan media. Ini dipersetujui oleh 39% responden. 43% responden pula berharap memperoleh berita yang adil dan bebas selepas berlakunya peralihan kuasa pada Mei 2018 yang lalu. Seramai 61% responden juga mengimpikan agar media arus perdana menitikberatkan berita yang sahih dan benar. Namun, 42% responden mengatakan penyebaran berita yang amat terbuka dan bebas sedikit sebanyak menjejaskan keharmonian negara. Walau bagaimanapun, majoriti 47% responden menyokong bahawa kebebasan media akan menggalakkan perkembangan sistem demokrasi di Malaysia. Justeru, dapat diringkaskan bahawa responden dalam kajian ini mengharapkan perubahan yang positif terhadap penulisan berita di media arus perdana di Malaysia.

## 5.0 KESIMPULAN

Hasil daripada dapatan kajian mendapati jumlah keseluruhan responden yang telah menjawab soalan soal selidik yang diedarkan melalui atas talian telah memperlihatkan majoriti daripada mereka menyatakan sokongan positif dan mendukung penuh berkenaan hasrat dan harapan berkenaan penulisan berita di media arus perdana perlu dilakukan transformasi sewajarnya.

Dapatan kajian turut mendapati masyarakat memberikan tanggapan dan menginginkan sesuatu perubahan dibuat ke atas penulisan berita seperti mengukuhkan akta dan perundangan yang sedia ada di mana hampir 39% responden menyokong perkara ini dan berharap pihak yang berkepentingan memperketatkan polisi dan akta berkaitan media di Malaysia.

Menurut Abdul Shukur Harun (2018), para pengamal media tidak kiralah wartawan media baharu atau wartawan media lama. Mereka perlu berhati-hati dan bertanggungjawab dengan sebarang berita yang disebarkan. Terutamanya melalui media baharu kerana penyebaran maklumat amat pantas tersebar berbanding media lama. Justeru, pegawai media perlu sangat peka tentang hal ini dan menyedari risiko tersebarnya berita palsu sekaligus dapat mengekang pengurangan berita palsu daripada terus tersebar luas.

Tambahan pula, kehadiran berita palsu hampir memusnahkan kredibiliti media arus perdana dan memalitkan reaksi buruk masyarakat terhadap pengamal media. Perkara ini tidak boleh disangkal kerana realitinya wujud pada masa kini. Bukti dikukuhkan lagi dengan hasil dapatan kajian ini di mana minoriti daripada responden menyatakan 47% sokongan bahawa berita palsu mencemarkan imej media arus perdana.

Konklusinya, penulisan berita yang dibaca setiap hari oleh masyarakat hari ini bukan sahaja dalam akhbar malah berita yang didapatkan melalui hujung jari sebenarnya adalah suatu pengetahuan baharu. Oleh itu, orang ramai dapat mengetahui berita terkini berkaitan hal-hal semasa di dalam negara mahupun di luar negara. Misalnya daripada berita yang berbentuk ringan sehinggalah berita berbentuk berat semuanya bermula daripada sebuah penulisan berita yang dikaryakan oleh pengamal media. Mereka giat bertugas menghidangkan pelbagai bentuk penulisan berita kepada masyarakat. Mereka juga sanggup mengorbankan masa menulis dan menyebarkan laporan berita setiap hari.

## RUJUKAN

Abdul Shukur Harun. (28 Oktober 2018). Peniaga Cina, lori surat khabar lama dan kesan media baru. *Mingguan Amanah*, Hlm 5.

- Ahmad Farami Abdul Karim. (2018). Keselamatan negara tidak patut dipolitikkan. *Utusan Online*. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/berita/politik/keselamatan-negara-tidak-patut-dipolitikkan-1.638034>
- Fadzli Adam, Ab Hamid Ali, Marhana Mohamed Anuar, dan Engku Muhammad Tajudin Engku Ali (2015). *Cabaran Media Baru Sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya Dari Perspektif Islam*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 12-23.
- Mohd Hamdan Haji Adnan. (2015). Peranan media massa memartabatkan integrity nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 2, 57-74.
- Norman Suratman. (2012). Media arus perdana Malaysia tidak dikawal seketat media Singapura. *Portal Universiti Kebangsaan Malaysia*. Dipetik daripada <http://www.ukm.my/news/arkib-berita/tahun-2012/disember-2012/media-arus-perdana-malaysia-tidak-dikawal-seketat-media-singapura/>
- Nurul Iza Salsabila Che Rani. (2016). Kebebasan media perlu dikawal. *Utusan Online*. Dipetik daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/forum/kebebasan-media-perlu-dikawal-1.387658>
- Riduan Mohamad Nor. (2017). Pindaan akta memperbaharui undang-undang tragedi kepada umat Islam. *The Malaysian Insight*. Dipetik daripada <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/10426>
- Sohana Abdul Hamid. (2016). *Pengaruh Media Massa terhadap perubahan sosial masyarakat*. (Tesis Ijazah Sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Malaysia.
- Shawaliah Hadir. (2016). Rakyat hilang percaya kepada media arus perdana. *Berita Daily*. Dipetik daripada <http://www.beritadaily.com/bm/rakyat-hilang-percaya-kepada-media-arus-perdana-kata-aktivis/>
- Yahya Abdul Rahman. (2017). *Impak kawalan State terhadap kebebasan media di Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Malaysia.